



**KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT**

## **TEKS UCAPAN**

**YAB DATO' SERI DR. WAN AZIZAH DR. WAN ISMAIL  
TIMBALAN PERDANA MENTERI MERANGKAP  
MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT**

**MAJLIS PERASMIAN  
PROGRAM SANTUNI RAKYAT PERINGKAT NEGERI MELAKA**

**19 OKTOBER 2019 (SABTU)  
KIPMALL BACHANG, MELAKA**



بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Assalammualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

## **SALUTASI**

*(akan dikemukakan kemudian setelah pengesahan kehadiran)*



## **PENDAHULUAN**

***Hadirin hadirat yang dimuliakan,***

- 1.** Alhamdulillah, terlebih dahulu marilah kita bersama-sama memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan limpah kurnia dan keizinan-Nya, kita dapat bersama-sama di KIPMall Bachang, Melaka bagi menjayakan Program Santuni Rakyat (PSR) Peringkat Negeri Melaka pada petang ini.
- 2.** Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Jawatankuasa Penganjur dan Kerajaan Negeri Melaka serta semua pihak yang terlibat dalam melaksanakan program pada hari ini.
- 3.** Program Santuni Rakyat ini merupakan penghubung antara masyarakat, khususnya golongan yang memerlukan dengan pelbagai Agensi Kerajaan, pihak korporat dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) yang sedia menghulurkan bantuan dan perkhidmatan bagi kesejahteraan rakyat.

**4.** Sejak edisi PSR yang pertama di Pandan dahulu, kita telah bekerjasama dengan rakan-rakan strategik daripada Kerajaan Negeri, agensi-agensi kerajaan pusat, badan-badan korporat dan badan bukan kerajaan (NGO-NGO).

**5.** Setinggi-tinggi penghargaan dan jutaan terima kasih saya ucapkan.

Semoga kerjasama ini akan diteruskan dan ditingkatkan lagi pada masa akan datang.

**6.** Pada hari ini, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK) mempromosikan perkhidmatan yang ditawarkan oleh Kementerian dan agensi-agensi di bawahnya seperti Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), Jabatan Pembangunan Wanita (JPW), Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN), Institut Sosial Malaysia (ISM) dan Yayasan Kebajikan Negara (YKN) kepada rakyat.

7. Bertemakan “**Semarak Kasih, Malaysia Sejahtera**”, kita turut bawakan perkhidmatan dan maklumat daripada agensi-agensi lain di peringkat kerajaan negeri dan Kerajaan pusat, sektor swasta dan NGO, khas untuk disampaikan secara terus kepada masyarakat.

8. Oleh itu, saya menyeru tuan-tuan dan puan-puan yang berada di sini untuk merebut peluang bagi mendapatkan maklumat dan perkhidmatan yang disediakan dan sebarkan juga maklumat tersebut kepada orang lain.

**INISIATIF-INISIATIF KERAJAAN UNTUK  
MEMPERKASAKAN DAN MELINDUNGI WANITA**

*Hadirin hadirat yang dimuliakan,*

9. Seperti kebiasaannya, dalam setiap edisi PSR, kita memilih satu kumpulan sasar KPWKM sebagai topik utama, dan pada kali ini, kita memilih WANITA.

**10. Berdasarkan statistik pada tahun 2018, sebanyak seribu sepuluh (1010) atau pun lima belas persepuluh tujuh (15.7) peratus daripada enam ribu dua ratus empat puluh lima (6,245) kerusi Lembaga Pengarah diisi oleh Wanita.**

**11. Manakala bagi 100 syarikat-syarikat teratas tersenarai awam (PLC) pula, Ahli Lembaga Pengarah di kalangan Wanita adalah seramai dua puluh empat persepuluh empat (24.4) peratus pada tahun 2018 berbanding sembilan belas persepuluh dua tujuh (19.27) peratus pada tahun 2017.**

**12. Terdapat peningkatan, namun peratusan ini masih belum mencapai sasaran 30% yang dihasratkan untuk memperkasakan Wanita.**

**13. Dalam Pembentangan Belanjawan 2020 yang bertemakan “Kemakmuran Bersama: Menjana Pertumbuhan Inklusif yang Berkualiti ke Arah Ekonomi Berpendapatan Tinggi “ di Parlimen baru-baru ini, kita menerima khabar gembira dengan peruntukan mesra Wanita yang akan disalurkan pada tahun hadapan.**



**14. Kerajaan bertindak agresif untuk menggalakkan penyertaan wanita dalam pasaran buruh dengan perancangan menyediakan 33 ribu peluang pekerjaan bagi wanita berusia 30 – 50 tahun yang telah berhenti kerja selama setahun atau lebih.**

**15.** Wanita yang kembali bekerja akan menerima insentif selama **dua tahun** sebanyak **RM500 sebulan**, manakala **majikan** pula akan diberi insentif sebanyak **RM300** sebulan bagi tempoh yang sama.

**16.** Selain itu, **Malaysia Digital Economy Corporation** (MDEC) akan menerima peruntukan sebanyak **RM10 juta** untuk melatih usahawan-usahawan mikro-digital dan pakar teknologi bagi memanfaatkan *e-Marketplaces* dan platform media sosial.

Majoriti daripada usahawan-usahawan mikro-digital ini terdiri daripada WANITA dan belia.

17. Baru-baru ini YAB Perdana Menteri turut mengumumkan perancangan Kerajaan untuk mewujudkan **Majlis Keterangkuman Digital Kebangsaan** khusus untuk meningkatkan peluang pendapatan rakyat dalam ekonomi digital, dan saya yakin, ramai Wanita akan menerima manfaat daripada inisiatif ini.

18. Kerajaan juga akan menyediakan **Skim Jaminan Pinjaman Perniagaan (SJPP)** berbentuk kemudahan jaminan baharu sebanyak **RM500 juta** khusus untuk **usahawan wanita**.

19. Pada tahun hadapan, **Small Medium Enterprise Development Bank Malaysia (SME Bank)** akan menyediakan tawaran pembiayaan sehingga **RM1 juta** bagi setiap **Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS)** dengan peruntukan keseluruhan berjumlah **RM200 juta**, khusus untuk Wanita.

***Hadirin-hadirat yang dimuliakan,***

**20.** KPWKM melalui JPW turut melaksanakan inisiatif sedia ada untuk menggalakkan aktiviti ekonomi informal di kalangan wanita melalui program **Pusat Cakna Bangun Ekonomi (PACBE)** yang merangkumi bengkel/kursus atau latihan pemantapan kemahiran dan pengetahuan dalam bidang perkhidmatan dan pembuatan produk.

Sehingga 15 Oktober 2019, **573** program telah dilaksanakan dengan penglibatan sepuluh ribu tiga ratus tiga puluh dua (**10,332**) orang majoriti peserta wanita daripada kelompok B40.

**21.** Inisiatif sedia ada dan peruntukan yang dirancang dalam Belanjawan 2020 akan meningkatkan penyertaan wanita dalam pasaran buruh dan meningkatkan sumbangan wanita dalam pembangunan ekonomi negara kita.

**22. Secara tidak langsung akan berupaya meningkatkan jumlah pelantikan wanita sebagai pembuat keputusan dalam organisasi syarikat-syarikat korporat.**

***Hadirin-hadirat yang dimuliakan,***

**23. Pada hari ini kita turut bawakan **Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP)** bagi membolehkan para suri rumah, balu dan ibu tunggal yang profilnya didaftarkan dalam sistem e-Kasih menyertai insentif i-Suri dengan membuat caruman minimum sebanyak RM5 setiap bulan.**

**24. Caruman perlu dibuat ke dalam akaun simpanan persaraan bagi melayakkan mereka menerima insentif Kerajaan sebanyak RM40 setiap bulan.**

**25. Sehingga **31 Ogos 2019**, seramai seratus dua puluh tiga ribu tujuh ratus tiga puluh tujuh (**123,737**) mewakili (**38.51%**) orang suri rumah telah berdaftar dengan i-Suri daripada tiga ratus dua puluh satu ribu tiga ratus tiga belas (**321,313**) orang yang layak (berdasarkan data e-kasih sehingga November 2018).**

**Pendaftaran i-Suri di Melaka sehingga tarikh yang sama adalah sebanyak dua ribu tiga ratus lapan puluh tiga (2,383) orang iaitu hanya 25.53% daripada sembilan ribu tiga ratus tiga puluh lima (9,335) orang yang layak.**

**26.** Pada tahun 2020, program i-Suri ini akan ditambah baik bagi membolehkan suami **memilih** untuk menyumbang secara sukarela sebanyak dua peratus daripada 11 peratus carumannya ke dalam akaun KWSP isterinya.

**27.** Kita sedang dalam usaha meminda akta bagi membolehkan perkara ini dilaksanakan. InnsyaAllah.

**28.** Kerajaan juga bercadang untuk memanjangkan manfaat di bawah i-Suri melalui perlindungan keselamatan sosial di bawah PERKESO dengan peruntukan sebanyak RM20 juta pada tahun hadapan.

**29.** Oleh itu, saya menyeru kepada semua suri rumah yang layak diluar sana, manfaatkanlah skim ini dan

**ambillah peluang untuk memastikan keselamatan sosial anda terjamin di masa hadapan.**

## **INISIATIF-INISIATIF LAIN**

***Hadirin-hadirat yang dimulihkan,***

**30.** Selain daripada wanita, Kerajaan turut menitikberatkan kebajikan dan kesejahteraan kumpulan-kumpulan sasaran yang lain melalui pelaksanaan inisiatif yang berterusan.

**31.** Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) menguruskan pemberian bantuan kewangan bulanan kepada keluarga yang melibatkan kanak-kanak, warga emas, Orang Kurang Upaya (OKU) dan golongan berpendapatan rendah.

**32. Sehingga Julai 2019, sejumlah empat ratus lapan puluh dua ribu enam ratus lapan puluh tiga (482,683)**

**orang telah menerima manfaat daripada bantuan ini yang melibatkan kos sebanyak RM1.17 billion.**

Dalam tempoh yang sama, sejumlah **RM63.3 juta telah disalurkan kepada dua puluh empat ribu seratus sembilan puluh lapan (24,198)** orang di negeri Melaka.

**33. JKM turut melaksanakan *2 Years Exit Programme (2YEP)* bermula tahun 2016** untuk meningkatkan taraf hidup penerima bantuan kebajikan supaya dapat hidup berdikari melalui pembelajaran pelbagai kemahiran kehidupan (*survival skills*) agar mereka tidak selamanya bergantung kepada bantuan kerajaan.

**34. Seramai 855 orang peserta program ini telah berjaya dibimbing sehingga tidak lagi bergelar penerima bantuan JKM.**

**35. Untuk makluman hadirin sekalian, salah satu agensi kami, LPPKN turut melaksanakan Program Saringan Mammogram percuma kepada rakyat yang berkeelayakan.**

Pada tahun ini, 2019, Kerajaan telah memperuntukan sebanyak RM10 juta dan sehingga **20 September 2019**, seramai tiga puluh lima ribu seratus tujuh puluh enam

**(35,176)** orang telah membuat saringan mammogram di seluruh Malaysia.

**36.** Selain itu, LPPKN turut menyediakan Perkhidmatan Ujian HPV DNA kepada wanita yang layak.

Sehingga 20 September 2019, sejumlah Sembilan belas ribu seratus empat (**19,104**) wanita telah menerima manfaat ini.

**37. Program Vaksinasi HPV secara percuma juga telah dilaksanakan dan telah memberi manfaat kepada seramai tujuh ribu lapan ratus lapan puluh tujuh (**7,887**) orang di seluruh Malaysia.**

**38. Selain daripada inisiatif yang dilaksanakan oleh Kerajaan, kita turut mengalu-alukan kerjasama pihak korporat, NGO dan orang perseorangan untuk meningkatkan kesejahteraan keluarga dan masyarakat.**



**39. Saya difahamkan, pihak UNIFI, yang merupakan salah satu rakan strategik KPWKM bagi program PSR ini, telah melancarkan pelan pascabayar eksklusif (postpaid) buat warga emas dan OKU pada harga mampu milik dengan tawaran pakej data, panggilan dan sms yang sangat berpatutan.**

**Anda boleh dapatkan maklumat lanjut daripada pihak Unifi berkaitan pelan ini.**

**40. Ini selari dengan hasrat KPWKM untuk meningkatkan kebolehpayaan kumpulan sasar kami dengan memanfaatkan kelebihan teknologi digital dan internet.**

**41. Saya berharap lebih banyak inisiatif sebegini yang mengambil berat kebajikan dan kesejahteraan kumpulan sasar yang terdiri daripada golongan rentan (vulnerable groups) dapat dilaksanakan oleh pihak-pihak lain.**

## **BAHTERA @ PSR**

*Hadirin hadirat yang dimuliakan,*

**42.** Sempena Program Santuni Rakyat Peringkat Negeri Melaka ini, pihak Kementerian telah memperkenalkan **inisiatif baharu melalui jalinan kolaborasi strategik bersama Kementerian Pertahanan dalam program membaik pulih institusi JKM dan rumah penerima bantuan JKM dalam kalangan pesara tentera.**

**Program ini dinamakan sebagai Program Baiki Rumah Untuk Sejahtera atau BAHTERA@PSR.**

**43.** Melalui program ini, KPWKM akan menampung kos pembaikan manakala pihak Kementerian Pertahanan (MINDEF) akan menyediakan sumber tenaga dan kepakaran pembaikan kecil rumah yang dipinjamkan daripada program **Jiwa Murni, program jiwa Murni ini**

merupakan inisiatif sedia ada yang dilaksanakan oleh MINDEF.

Penerima bantuan terdiri daripada pesara tentera yang juga merupakan penerima bantuan JKM.

**44.** Pada sebelah pagi tadi, saya telah berpeluang melawat sebuah rumah penerima bantuan program ini untuk melihat sendiri kerja-kerja membaiki rumah yang dilaksanakan oleh pihak tentera bersama sukarelawan JKM.

**45.** Syabas dan tahniah saya ucapkan kepada pihak pengurusan tertinggi dan warga KPWK, Kementerian Pertahanan dan sukarelawan yang sama-sama membantu dalam menjayakan program ini.

**46.** Saya berharap program BAHTERA @ PSR ini dapat diperluaskan di seluruh negara pada tahun hadapan bagi memastikan lebih ramai penerima yang layak mendapat manfaat daripadanya.

## **PENUTUP**

***Hadirin hadirat yang dimuliakan,***

**47.** Begitu banyak inisiatif yang telah, sedang dan akan dilaksanakan oleh Kerajaan untuk menjamin, memperkasakan dan meningkatkan kesejahteraan rakyat, khususnya golongan rentan (Vulnerable Group) di negara kita.

**48.** Saya memohon kerjasama semua pihak, daripada setiap golongan masyarakat tanpa mengira batas kaum, agama dan kelas sosial untuk menyokong dan memanfaatkan inisiatif-inisiatif Kerajaan ini supaya pelaksanaannya lebih berkesan (effective) dan sampai kepada kumpulan sasaran yang benar-benar memerlukannya.

***Hadirin hadirat yang dimuliakan,***

**49.** Sebelum saya mengakhiri ucapan pada hari ini, saya ingin berpesan kepada anda semua,

**50.** Cabaran sosial pada masa kini adalah berlainan berbanding pada masa lalu.

**51.** Kemajuan teknologi dan dunia tanpa sempadan telah membawa seribu satu kelebihan dan juga kesan sampingan jika kemudahan yang disediakan tidak digunakan dengan bertanggungjawab.

**52.** Saya menyeru kepada masyarakat di luar sana, celikkan mata untuk mengambil berat mengenai masalah ketagihan bahan-bahan lucah, penipuan di internet (scam), *child pornography*, kesihatan mental dan isu keselamatan siber (Cyber Security).

**53.** Jagalah diri anda, anak-anak anda, rakan-rakan dan kenalan agar mereka dijauhkan daripada perkara-perkara ini.

**54.** Dapatkanlah nasihat dan bantuan yang bersesuaian sekiranya tidak pasti atau terdapat sebarang masalah yang dihadapi, elakkan daripada mempercayai orang sebarangan yang tidak dapat dipastikan kebenarannya.

**55.** Saya yakin Program Santuni Rakyat ini telah memberi manfaat kepada semua lapisan masyarakat menerusi perkongsian perkhidmatan, maklumat dan kepakaran daripada semua pihak yang memerlukan.

**56.** Akhir kalam, saya sekali lagi merakamkan sekalung penghargaan kepada semua pihak yang terlibat khususnya hadirin sekalian yang sudi hadir menjayakan Program Santuni Rakyat Peringkat negeri Melaka ini.

**57.** Terima kasih kepada Kerajaan Negeri Melaka, semua rakan strategik serta pihak KIPMall selaku tuan rumah pada hari ini.

**58.** Dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, saya dengan sukacitanya merasmikan Program Santuni Rakyat Peringkat Negeri Melaka.

Sekian, Wabillahi Taufik Wal Hidayah Assalamualaikum Warah Matullahi Wabarakatuh.